



# PARLIMEN MALAYSIA



## **RANG UNDANG-UNDANG**

**Syarikat (Pindaan) 1988**

**DR.27/1988**

RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Akta Syarikat 1965.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat (Pindaan) 1988.

Tajuk  
ringkas  
dan mula  
berkuat-  
kuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Seksyen 7 Akta Syarikat 1965, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (14) dengan subseksyen yang berikut:

Pindaan  
seksyen 7.  
Akta 125.

“(14) Subject to section 7A, there shall be paid to the Registrar—

(a) the fees specified in the Second Schedule;  
and

(b) such other fees as are prescribed,

and such fees shall be collected by the Registrar in such manner as the Minister may, from time to time, direct.”.

Seksyen  
baru 7A.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 7 seksyen baru 7A yang berikut:

“Power of Minister to exempt from payment of fees. 7A. The Minister may, by order published in the *Gazette*, exempt any statutory body or government agency from paying any or all of the fees specified in the Second Schedule or prescribed under this Act.”.

Pindaan  
seksyen 25.

4. Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan-perkataan “or a company limited by guarantee may convert to a company limited both by shares and guarantee”.

Pindaan  
seksyen 80.

5. Seksyen 80 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (5) dengan menggantikan perkataan-perkataan “to (13)” dengan perkataan-perkataan “to (16)” dan dengan menggantikan perkataan-perkataan “and (4)” dengan perkataan-perkataan “and (6)”.

Pindaan  
seksyen 113.

6. Seksyen 113 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan-perkataan “may lodge” dengan “shall, within fourteen days after the payment, satisfaction, release or cessation referred to above, lodge”.

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Syarikat 1965 atas sebab-sebab yang dinyatakan di bawah.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 7 (14) untuk membolehkan Menteri menentukan cara bagaimana fee-fee yang kena dibayar harus dipungut.

3. *Fasal 3* memasukkan seksyen baru 7A yang memberi kuasa kepada Menteri memberikan pengecualian daripada kehendak supaya membayar fee kepada Pendaftar.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 25 untuk menghapuskan keupayaan syarikat berhad dengan jaminan untuk bertukar menjadi syarikat berhad dengan syer serta jaminan.

5. Akta Syarikat (Pindaan) 1985 telah meminda seksyen 169 (13) dan 174 (4) supaya masing-masingnya dibaca sebagai 169 (16) dan 174 (6). *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 80 untuk mencerminkan pertukaran ini.

6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 113 untuk menjadikan mandatori bagi sesuatu syarikat menyerahkan memorandum penyelesaian berkenaan dengan apa-apa gadaian yang didaftarkan apabila hutang-hutang yang berkenaan telah dibayar atau telah diselesaikan kesemuanya atau sebahagiannya atau apabila harta yang berkenaan telah dilepaskan daripada gadaian itu.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1505.]

